

Bil. S 32

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA NAMA PERNIAGAAN (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 92.
 3. Pindaan bab 3.
 4. Pindaan bab 21.
 5. Pindaan bab 24.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA NAMA PERNIAGAAN (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Nama Perniagaan (Pindaan), 2012.

Pindaan bab 2 dari Penggal 92.

2. Bab 2 dari Akta Nama Perniagaan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam takrifan “Menteri”, dengan memotong “Menteri Undang-Undang” dan menggantikannya dengan “Menteri Kewangan”;

(b) dalam takrifan “Pendaftar”, dengan menambah “, dan termasuk mana-mana Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar”.

Pindaan bab 3.

3. Bab 3 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan cerai (1) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik orang-orang yang layak dan sesuai untuk menjadi Pendaftar Nama Perniagaan, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Nama Perniagaan di bawah dan bagi maksud-maksud Akta ini.”;

(b) dengan menambah cerai baru yang berikut —

“(5) Pemberitahuan mengenai semua lantikan di bawah cerai (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.”.

Pindaan bab 21.

4. Bab 21 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (2), dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Menteri,”.

Pindaan bab 24.

5. Bab 24 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan,”.

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 31 haribulan Januari, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM